



TUANKU Syed Faizuddin melihat Tuanku Lailatul Shahreen bersama puteri mereka, Sharifah Katrina (duduk kiri) memasak untuk mangsa banjir di pusat pemindahan mangsa banjir di Padang Besar semalam.



ATAS: Sekolah Tengku Budriah, Arau antara sekolah yang ditutup selepas banjir melanda negeri Perlis semalam.

KANAN: Pelajar tahun 6, Wan Nazatul Abdullah (kiri) dan rakannya, Wan Fakhrunisa Wan Mohd. Fishaal (tengah) serta Mohamad Qayyum Omar mengulangi kaji pelajaran di pusat pemindahan mangsa bencana Kampung Panggas di Padang Besar semalam.



Perlis banjir, 342 mangsa dipindah

KANGAR – Jumlah mangsa banjir di Perlis yang dipindahkan ke pusat-pusat pemindahan kini tinggal seramai 342 mangsa daripada 88 keluarga yang ditempatkan di tujuh pusat pemindahan banjir di negeri ini.

"Ia menunjukkan penguji-
rangan berbanding statistik pada pukul 3 petang iaitu 567 mangsa melibatkan 136 keluarga di 13 pusat pemindahan," kata juru-
kap bilik gerakan Majlis Keselamatan Negara di sini semalam.

Kesemua mangsa ditempatkan di 13 buah pusat pemindahan mangsa banjir iaitu enam di Padang Besar, empat di Arau dan tiga di Kangar.

Raja Muda Perlis, Tuan-
ku Syed Faizuddin Putra Jamalullail turut meninjau kawasan-kawasan yang dilanda banjir serta bertemu dengan mangsa-mangsa yang ditempatkan di pusat-pusat pemindahan.



SEORANG anggota Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia Perlis melaporkan keadaan banjir di Titi Tinggi, Padang Besar semalam.

Baginda yang diiringi Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil turut melawat dua buah sekolah di kawasan Arau yang dilanda banjir iaitu Sekolah Kebangsaan Tengku Budriah dan Sekolah Menengah Ke-

bangsaan Datuk Sheikh Ahmad.

Baginda berdua kemudiannya melawat Klinik Kesihatan Gial yang ditenggelami air dan bertemu mangsa-mangsa banjir di kawasan Titi Tinggi dan Chuping. – Bernama



SEKUMPULAN kanak-kanak leka bermain air selepas banjir mula menenggelamkan beberapa kawasan dekat Titi Tinggi di Padang Besar semalam.